

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Tambahan**

**Sidang Akademik 1992/93**

**Jun 1993**

**FPT 122 Pengantar Bentuk Dosis**

**Masa: (3 jam)**

---

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia

...2/-

1. Apakah yang dimaksudkan dengan serbuk dan kapsul? Bincangkan berbagai jenis serbuk dan kapsul yang digunakan dalam bidang farmasi.

Terangkan kebaikan dan keburukan untuk kapsul.

(20 markah)

2. R<sub>x</sub>

Lanatoside C	1 mg
Magnesium Oksida	0.1 g
Minyak Tengkwang	q.s. sesuai untuk acuan 1 g
ft. Supp.	d.t.d. 10

- (A) Tunjukkan cara pencairan 'serial' (2 kali) untuk mendapat amaun Lanatoside C yang dikehendaki untuk preskripsi tersebut. Jangan kira untuk amaun berlebihan. Berat minimum yang boleh ditimbang dengan tepat oleh neraca anda ialah 100 mg.

(10 markah)

- (B) Bincangkan kelemahan-kelemahan dasar supositori Minyak Tengkwang yang tidak dipunyai oleh dasar makrogol.

- (C) Apakah yang dimaksudkan dengan nilai sesaran supositori?

(10 markah)

...3/-

3. R<sub>x</sub>

Iktamol	10 g
Kaolin kontang	45 g
Parafin lunak kuning	45 g

ft. Salap

- (A) Senaraikan kumpulan dasar salap dan berikan satu contoh untuk setiap kumpulan.
- (B) (i) Masuk kumpulan yang manakah dasar salap di dalam preskripsi di atas.
- (ii) Jelaskan sifat-sifat dasar salap ini.
- (C) (i) Senaraikan kaedah penyediaan salap.
- (ii) Terangkan kaedah yang sesuai untuk penyediaan salap di dalam preskripsi di atas.

(20 markah)

4. (A) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Pirogen.
- (ii) Nyatakan kaedah yang boleh digunakan untuk menguji kehadiran pirogen di dalam suatu sediaan suntikan.

(4 markah)

...4/-

(B) Bagaimanakah anda akan menghilangkan pirogen dari

- (i) perkakas atau alat-alatan kaca dan logam,
- (ii) air

(4 markah)

(C) Bincangkan dengan lengkap kaedah ujian pirogen menurut U.S.P.

(12 markah)

5. (A) Terangkan kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk membuat ubat titis mata.

(6 markah)

(B) Apakah syarat-syarat yang perlu ada bagi satu bahan pengawet.

(6 markah)

...5/-

- (C) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan sediaan steril?  
(ii) Bincangkan mengapa beberapa jenis sediaan perlu dibuat steril.  
(iii) Namakan sediaan-sediaan yang perlu dibuat steril.

(8 markah)

6. Bincangkan kegunaan agen-agen berikut untuk pensterilan

- (a) steam tepu kering  
(b) etilena oksida

(20 markah)

-ooOoo-